Loo Wee Woon lwn Dato' Dr Tan Chong Siong (Medical Superitendent, Hospital Lam Wah Ee bagi Tahun 2000) dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — GUAMAN SIVIL NO 22–607 TAHUN 2000
NURMALA SALIM PK
20 MAC 2012

Tort — Kecuaian — Ganti rugi — Ganti rugi teladan — Kecuaian perubatan — Tuntutan ganti rugi terhadap pakar obstetrik dan ginekologi akibat kematian anak — Sama ada tuntutan plaintif diberikan

Tort — Kecuaian — Ganti rugi — Kecuaian perubatan — Tuntutan bahawa hubungan seksual plaintif dengan suaminya terjejas membawa kepada perceraian — Sama ada dibuktikan

Tort — Kecuaian — Ganti rugi — Kecuaian perubatan — Tuntutan ganti rugi bagi tekanan mental dan stress — Plaintif enggan mendapatkan rawatan perubatan bagi tekanan mental dan stress — Tiada laporan perubatan atau psikaitri

Tort — Kecuaian — Ganti rugi — Tuntutan kedukacitaan ('bereavement') — Kecuaian perubatan — Tuntutan ganti rugi terhadap pakar obstetrik dan ginekologi akibat kematian anak — Sama ada ganti rugi kedukacitaan diberikan

Tort — Kecuaian — Kecuaian perubatan — Tuntutan ganti rugi terhadap pakar obstetrik dan ginekologi akibat kematian anak, kesakitan, tekanan mental dan stress — Plaintif melahirkan anak melalui pembedahan caesarean — Kejadian 'ruptured uterus' — Liabiliti diakui — Penetapan kuantum — Sama ada kerugian diplidkan — Sama ada kerugian dibuktikan

Plaintif menuntut ganti rugi terhadap defendan-defendan akibat kematian anaknya serta kesakitan, tekanan mental dan stress yang dialaminya semasa dalam jagaan dan rawatan di Hospital Lam Wah Ee ('hospital tersebut'). Defendan ketiga adalah pakar obstetrik dan ginekologi di hospital tersebut. Pada 2 Disember 2000, plaintif yang sedang mengandung telah dimasukkan ke hospital tersebut untuk bersalin. Plaintif telah melahirkan anaknya melalui pembedahan *caesarean*. Semasa pembedahan, telah berlaku *ruptured uterus*.

Keadaan ini telah dirawat dan dibaiki oleh defendan ketiga. Anak plaintif walau bagaimanapun telah meninggal dunia keesokan harinya semasa dalam jagaan dan rawatan di hospital tersebut. Isu liabiliti telah diakui oleh defendan-defendan. Apa yang menjadi pertikaian adalah mengenai isu kuantum. Plaintif mendakwa mengalami *urinary incontinence* dan *vesico vaginal fistula*. Plaintif mendakwa masalah ini telah menjejaskan hubungan seksual dengan suaminya dan telah membawa kepada perceraiannya. Plaintif juga mendakwa mengalami tekanan mental dan stress akibat dari kematian anaknya serta masalah *urinary incontinence*. Menurut plaintif akibat *urinary incontinence*, beliau terpaksa menggunakan lampin dan tuala wanita.

Diputuskan:

(1) Plaintif enggan mendapatkan apa-apa rawatan perubatan dari mana-mana doktor atau pakar psikiatri bagi tekanan mental dan stress. Oleh kerana tiada apa-apa laporan perubatan atau laporan psikiatri mengenai keadaan mental plaintif serta tekanan yang dialaminya dikemukakan, dakwaan plaintif tersebut tidak dapat disahkan kebenarannya. Oleh itu tuntutan ini tidak dapat dipertimbangkan (lihat perenggan 20(a)).

(2) *Urinary incontinence* yang didakwa dialami plaintif bukanlah disebabkan oleh fistula atau masalah plaintif melahirkan anak pada tahun 2000. Sebaliknya, *urinary incontinence* mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kekerapan melahirkan anak, *traumatic child birth, overactive bladder* dan *genuine stress incontinence*. Plaintif gagal mengemukakan apa-apa keterangan atau laporan perubatan bagi membuktikan dakwaannya. Plaintif juga enggan mendapatkan rawatan untuk *urinary incontinence* walaupun telah mengalaminya semenjak tahun 2001 lagi (lihat perenggan 20(b)).

(3) Oleh kerana *vesico vaginal fistula* telah sembuh, plaintif tidak berhak untuk menuntut ganti rugi bagi perbelanjaan rawatan susulan. Plaintif juga tidak mendapatkan apa-apa rawatan dari mana-mana doktor, pakar ginekologi atau pakar urologi untuk *urinary incontinence* itu (lihat perenggan 20(c)).

(4) Plaintif gagal membuktikan perceraiannya ada kaitan dengan masalah plaintif melahirkan anak atau masalah *urinary incontinence* (lihat perenggan 20(d)).

(5) Plaintif tidak memplidkan tuntutannya untuk kos pembelian *pampers* dan tuala wanita. Malahan plaintif gagal mengekemukakan apa-apa resit bagi pembelian *pampers* dan tuala wanita. Oleh yang demikian, tuntutan plaintif itu tidak dapat dipertimbangkan (lihat perenggan 20(e)).

(6) Kos rawatan hospital telah dibiayai oleh hospital tersebut. Semasa mendapat rawatan, plaintif berkhidmat sebagai jururawat di hospital

tersebut. Oleh itu, plaintif mendapat kemudahan rawatan percuma di hospital tersebut. Untuk perbelanjaan konsultasi, plaintif tidak kemukakan apa-apa resit bagi membuktikan plaintif telah membuat bayaran kepada mana-mana doktor atau doktor pakar. Maka, plaintif tidak berhak membuat tuntutan itu (lihat perenggan 20(f)).

(7) Kos laporan pakar tidak diplidkan dan plaintif juga gagal mengemukakan bukti pembayaran melalui resit atau akuan terima (lihat perenggan 20(g)).

(8) Oleh kerana kecuaian telah diakui oleh defendan-defendan, plaintif diberikan ganti rugi teladan sebanyak RM20,000. Plaintif juga diberikan tuntutan kedukacitaan (*bereavement*) sebanyak RM10,000 dan kos pengkebumian sebanyak RM5,000 (lihat perenggan 21(c)–21(e)).

[English summary

The plaintiff claimed for damages against the defendants as a result of the death of her child as well as for pain, mental stress and the stress that she had suffered while in the care and treatment at the Lam Wah Ee Hospital ('the hospital'). The third defendant was an obstetrician and gynecologist at the hospital. On 2 December 2000, the plaintiff who was pregnant was admitted to the hospital to give birth. The plaintiff had delivered her child through the caesarean section. During the surgery, there was ruptured uterus. This condition was treated and remedied by the third defendant. The plaintiff's child, however, had died the following day while in the care and treatment of the hospital. The issue of liability was admitted by the defendants. What was disputed was the issue of quantum. The plaintiff claimed to have suffered urinary incontinence and vesico vaginal fistula. The plaintiff claimed that the problem had affected her sexual relationship with her husband and had resulted in her divorce. The plaintiff had also claimed to have suffered mental stress and stress caused by the death of her child and urinary incontinence. According to the plaintiff, as a result of the urinary incontinence, she had to use diapers and sanitary towels.

Held:

(1) The plaintiff refused to obtain any medical treatment from any doctor or psychiatrist for her mental stress and stress. As there was no any medical report or psychiatrist report on the mental condition of the plaintiff as well as the stress suffered by her that had been adduce, the plaintiff's allegation could not be confirmed true. Therefore this claim could not be considered (see para 20(a)).

(2) The urinary incontinence allegedly suffered by the plaintiff was not caused by the fistula or by the difficulty in the plaintiff delivering her child in the year 2000. Instead the urinary incontinence could have been caused by other factors such as the frequency of child birth, traumatic child birth, overactive bladder and genuine stress incontinence. The

plaintiff had failed to adduce any evidence or medical report to prove her allegations. The plaintiff had also refused to obtain any treatment for the urinary incontinence although she had been suffering from it since the year 2001 (see para 20(b)).

(3) As the vesico vaginal fistula has healed, the plaintiff was not entitled to claim damages for the expenses for the follow-up treatment. The plaintiff also did not obtain any treatment from any doctor, gynecologist or urologist for the urinary incontinence (see para 20(c)).

(4) The plaintiff had failed to prove that her divorce was related to the complications of the plaintiff delivering a baby or the urinary incontinence complications (see para 20(d)).

(5) The plaintiff did not plead in her claim for the costs of purchase of pampers and sanitary towels. In fact, the plaintiff had failed to produce any receipts for the purchase of pampers and sanitary towels. Therefore, the plaintiff's claim could not be considered (see para 20(e)).

(6) The costs for the treatment in the hospital was financed by the hospital. While getting her treatment, the plaintiff was in service as a nurse in the hospital. Therefore, she received the facility of free treatment in the hospital. For the consultation expenses, the plaintiff did not adduce any receipts to prove that the plaintiff had made any payment to any of the doctors or specialists. Therefore, the plaintiff was not entitled to claim for it (see para 20(f)).

(7) The costs of the specialist report was not pleaded and the plaintiff had also failed to produce the prove of payment by way of receipts or acknowledgement receipt (see para 20(g).

(8) As the negligence had been admitted by the defendants, the plaintiff was awarded exemplary damages of RM20,000. The plaintiff was also awarded claim for bereavement of RM10,000 and the cost of funeral of RM5,000 (see para 21(c)–21(e)).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1123–1141.

Untuk kes-kes mengenai kecuaian perubatan, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1306–1311.

Jason Ong Khan Lee (N Ahilan bersamanya) (Ong & Associates dan N Ahilan & Associates) bagi pihak plaintif.

Bala Mahesan (Bala Mahesan & Khairudin) bagi pihak defendan pertama dan kedua.

JJ Chan (Shearn Delamore & Co) bagi pihak defendan ketiga.

Nurmala Salim PK:

[1] Plaintif menuntut ganti rugi am dan ganti rugi khas terhadap defendan-defendan akibat dari kematian anaknya serta kesakitan, tekanan mental dan stress yang dialaminya semasa dalam jagaan dan rawatan di Hospital Lam Wah Ee.

LATAR BELAKANG

[2] Plaintif seorang wanita yang beralamat di No 168, Lorong Wira 2/2, Taman Wira, Sungai Petani Kedah.

[3] Defendan pertama adalah penguasa perubatan di Hospital Lam Wah Ee ('hospital tersebut').

[4] Defendan-defendan kedua adalah presiden dan setiausaha dalam pertubuhan hospital tersebut.

[5] Defendan ketiga pula adalah seorang pakar obstetrik dan ginekologi di hospital tersebut.

[6] Pada 2 Disember 2000, plaintif yang sedang mengandung telah dimasukkan ke hospital tersebut untuk melahirkan anak dalam kandungannya.

[7] Semasa dimasukkan ke hospital tersebut, plaintif dalam keadaan sihat dan normal. Pada hari yang sama, plaintif telah melahirkan anaknya melalui pembedahan *caesarean*.

Semasa pembedahan, telah berlaku *ruptured uterus*.

Keadaan ini telah dengan segera dirawat dan dibaiki oleh Dr Quah Thong Sai ('defendan ketiga'). Defendan ketiga adalah doktor yang bertanggungjawab dalam pembedahan tersebut.

[8] Anak plaintif walau bagaimanapun telah meninggal dunia keesokan harinya semasa dalam jagaan dan rawatan di hospital tersebut.

[9] Isu liabiliti telah diakui oleh defendan-defendan.

[10] Apa yang menjadi pertikaian kini adalah mengenai isu kuantum.

ISU

[11] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini adalah apakah kerugian

dan kehilangan yang dialami oleh plaintif akibat dari jagaan dan rawatan yang diterima plaintif semasa plaintif berada di hospital tersebut.

KUANTUM

[12] Untuk ganti rugi khas, plaintif menuntut seperti berikut:

(a) perbelanjaan pengkebumian anak sebanyak RM10,000; dan

(b) kos rawatan di hospital termasuk konsultasi.

[13] Untuk ganti rugi am pula, plaintif menuntut seperti berikut:

(a) ganti rugi am di atas kematian anak plaintif; dan

(b) ganti rugi am.

[14] Plaintif juga menuntut ganti rugi teladan, kos dan faedah.

[15] Di dalam keterangannya, plaintif mendakwa plaintif mengalami *urinary incontinence*, plaintif telah merujuk masalahnya ini kepada seorang pakar urologi, Dr Liong Men Long ('Dr Liong') di Hospital Lam Wah Ee dan telah disahkan mengalami *vesico vaginal fistula*. Walaupun plaintif telah dinasihati oleh Dr Liong, plaintif enggan menjalani pembedahan untuk membaiki fistul di atas alasan plaintif masih lagi trauma dengan pembedahan *caesarian* dan juga kerana mengalami *adhesion colic.*

[16] Plaintif mendakwa masalah *urinary incontinence* ini telah menyebabkan plaintif mengalami kesakitan, rasa tidak selesa dan ianya telah menjejaskan hubungan seksual plaintif dan suaminya. Ini telah membawa kepada keruntuhan perkahwinan plaintif dan suaminya. Plaintif dan suami seterusnya telah bercerai pada 13 Mei 2010.

[17] Plaintif juga mendakwa akibat dari kematian anaknya serta masalah *urinary incontinence*, plaintif mengalami tekanan mental dan stress.

[18] Plaintif seterusnya mendakwa akibat dari masalah *urinary incontinence*, plaintif terpaksa menggunakan *pampers* dan tuala wanita. Plaintif mendakwa telah mengeluarkan kos yang banyak bagi pembelian *pampers* dan tuala wanita tersebut.

[19] Hanya plaintif dan seorang pakar obstetrik dan ginekologi ('SP2') memberi keterangan bagi membuktikan tuntutan plaintif atas isu kuantum

ini.

KEPUTUSAN

[20] Setelah mahkamah ini mendengar keterangan saksi-saksi, meneliti ekshibit dan mendengar hujahan plaintif dan defendan-defendan, berdasarkan imbangan kebarangkalian, mahkamah ini membuat *findings* seperti berikut:

(a) Ganti rugi am

Tekanan mental dan stress

(i) plaintif mendakwa mengalami tekanan mental dan stress. Plaintif walau bagaimanapun enggan untuk mendapat apa-apa rawatan perubatan dari mana-mana doktor atau pakar psikaitri. Menurut plaintif, ubat-ubatan tidak akan menyembuhkan masalah tekanan mental dan stress yang dialaminya;

(ii) plaintif sebaliknya merawat dirinya dengan mendekatkan dirinya kepada agama Buddha dengan mengamalkan sembahyang; dan

(iii) oleh kerana tiada apa-apa laporan perubatan atau laporan psikaitri mengenai keadaan mental plaintif serta tekanan yang dialaminya dikemukakan, mahkamah ini berpendapat dakwaan plaintif tersebut tidak dapat disahkan kebenarannya. Oleh itu tuntutan ini tidak dapat dipertimbangkan;

(b) Urinary incontinence

(i) plaintif mendakwa mengalami *urinary incontinence*. Pada 11 January 2001, plaintif telah bertemu dengan Dr Liong mengenai masalah ini. Pada masa itu plaintif telah di*diagnose* mengalami *vesico vaginal fistula*;

(ii) pada 9 Februari 2001, plaintif telah menjalani pemeriksaan *cystoscopy* dan *vaginoscopy*. Hasil pemeriksaan tersebut, plaintif disahkan mengalami *vesical vaginal fistula;*

(iii) pada 15 Mac 2001, plaintif telah dinasihati oleh Dr Liong untuk menjalani pembedahan bagi membaiki *vesico vaginal fistula*. Plaintif walau bagaimanapun atas alasan peribadi seperti dinyatakan terdahulu enggan menjalani pembedahan tersebut. Plaintif juga tidak mendapatkan apa-apa rawatan bagi masalah *fistula* yang dialaminya;

(iv) menurut plaintif, pada tahun 2001, plaintif ada bertemu dengan seorang doktor di Island Hospital dan dua orang pakar ginekologi di Sungai Petani. Tujuan plaintif bertemu adalah untuk konsultasi berkenaan dengan masalah *urinary incontinence* yang dialaminya.

Anehnya, plaintif tidak mengingati nama doktor dan pakar ginekologi yang ditemuinya. Plaintif juga tidak mendapatkan laporan perubatan dari doktor dan pakar ginekologi berhubung dengan konsultasi tersebut;

(v) pada 17 Februari 2005, plaintif telah berjumpa semula dengan Dr Liong dan mengadu mengenai *urinary incontinence on and off*. Pada 29 Jun 2009, plaintif sekali lagi telah berjumpa dengan Dr Liong. Plaintif masih lagi mengadu mengenai *urinary incontinence* dan juga *recurrent urinary tract infection*;

(vi) plaintif seterusnya telah berjumpa dengan Dr Liong pada 24 April 2010 di mana plaintif mengadu masih Iagi mengalami *urinary incontinence on and off*. Dr Liong telah menjalankan pemeriksaan *cystogram* ke atas plaintif dan mendapati *the outline of the bladder was normal with no obvious vesico vaginal fistula seen;*

(vii) plaintif seterusnya telah mendapat laporan pakar dari Dato' Ravindran a/l Jegasothy ('SP2'), Pakar Runding Kanan, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Kuala Lumpur. SP2 tidak memeriksa plaintif sebaliknya merujuk kepada laporan perubatan bertarikh 31 Mei 2010 yang disediakan oleh Dr Liong;

(viii) menurut SP2, *vesico vaginal fistula* adalah keadaan di mana pesakit mengalami *leakage of urine that cannot be controlled through the vagina;*

(ix) menurut SP2, berdasarkan laporan perubatan oleh Dr Liong, plaintif tidak menjalani apa-apa pembedahan atau terapi untuk memulihkan keadaannya;

(x) menurut SP2, *vesico vaginal fistula* yang dialami plaintif telah sembuh secara semula jadi. Menurut SP2 lagi, penyembuhan secara semula jadi memang boleh berlaku ke atas sebilangan pesakit;

(xi) oleh kerana plaintif tidak lagi mengalami *vesico vaginal fistula*, SP2 berpendapat *urinary incontinence* yang dialami plaintif bukanlah disebabkan oleh fistula;

(xii) berdasarkan laporan perubatan oleh Dr Liong dan keterangan SP2, mahkamah ini berpendapat *urinary incontinence* yang didakwa dialami plaintif bukanlah disebabkan oleh *fistula* atau masalah plaintif melahirkan anak pada tahun 2000;

(xiii) sebaliknya, *urinary incontinence* mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kekerapan melahirkan anak, *traumatic child birth, overactive bladder dan genuine stress incontinence;*

(xiv) oleh kerana keterangan SP2 tidak menyokong dakwaan plaintif dan plaintif juga gagal mengemukakan apa-apa laporan perubatan yang

lain bagi membuktikan dakwaannya, mahkamah ini berpendapat *urinary incontinence* yang dialaminya adalah disebabkan oleh faktor lain; dan

(xv) mahkamah ini juga berasa sangsi dengan keterangan plaintif yang enggan mendapatkan rawatan untuk *urinary incontinence* walaupun telah mengalaminya semenjak tahun 2001 lagi. Jika benarlah plaintif ada masalah *urinary incontinence* yang berpanjangan, adalah tidak munasabah bagi plaintif untuk tidak mendapatkan rawatan sewajarnya. Adalah tidak logik plaintif berada dalam kesakitan dan tidak selesa disebabkan *urinary incontinence* sejak sekian lama dan tidak berbuat apa-apa untuk mengatasinya;

(c) Rawatan susulan

(i) oleh kerana *vesico vaginal fistula* telah sembuh, mahkamah ini berpendapat plaintif tidak berhak untuk menuntut ganti rugi bagi perbelanjaan rawatan susulan. Berdasarkan keterangan plaintif sendiri, sejak dari tahun 2001 sehingga perbicaraan dijalankan, plaintif tidak mendapatkan apa-apa rawatan dari mana-mana doktor, pakar ginekologi atau pakar urologi untuk *urinary incontinence* yang dialaminya;

(d) Keruntuhan perkahwinan

(i) mahkamah ini mendapati, plaintif gagal buktikan perceraiannya ada kaitan dengan masalah plaintif melahirkan anak atau masalah *urinary incontinence*. Di dalam petisyen perceraian bersama bertarikh 3 April 2010, tidak dinyatakan masalah-masalah tersebut sebagai alasan perceraian plaintif dan suaminya; dan

(ii) di dalam keterangannya, plaintif mengaku sejak Disember 2000, plaintif tidak mengadakan hubungan seks dengan suaminya. Akibatnya, plaintif tidak dapat hamil. Pada pendapat mahkamah ini, ini mungkin telah menyebabkan keruntuhan perkahwinan plaintif dan suaminya;

(e) Ganti rugi khas

Kos pembelian *pampers* dan tuala wanita.

(i) plaintif tidak plidkan dalam writ saman dan pernyataan tuntutan mengenai tuntutannya untuk kos pembelian *pampers* dan tuala wanita. Malahan plaintif gagal kemukakan apa-apa resit bagi pembelian *pampers* dan tuala wanita. Oleh yang demikian, tuntutan plaintif ini tidak dapat dipertimbangkan;

(f) Kos rawatan hospital dan konsultasi

(i) kos rawatan hospital telah dibiayai oleh hospital tersebut. Semasa

mendapat rawatan, plaintif berkhidmat sebagai jururawat di hospital tersebut. Oleh itu, plaintif mendapat kemudahan rawatan percuma di hospital tersebut; dan

(ii) untuk perbelanjaan konsultasi, plaintif tidak kemukakan apa-apa resit bagi membuktikan plaintif telah membuat bayaran kepada mana-mana doktor atau doktor pakar. Oleh itu, plaintif tidak berhak untuk membuat tuntutan ini;

(g) Kos laporan pakar

(i) plaintif menuntut RM10,000 untuk kos dua laporan pakar yang disediakan oleh SP1. Tuntutan ini tidak diplidkan dalam writ saman dan pernyataan tuntutan. Plaintif juga gagal untuk kemukakan bukti pembayaran melalui resit atau akuan terima. Malahan SP1 juga tidak ditanya untuk mengesahkan plaintif membuat bayaran sebanyak RM10,000 kepadanya. Hanya selepas plaintif dan defendan menutup kes, barulah plaintif mengemukakan dokumen mengenai bayaran tersebut. Walau bagaimanapun didapati jumlah yang dinyatakan dalam dokumen itu adalah sebanyak RM4,234. Amaun ini ternyata berbeza dengan keterangan plaintif di mahkamah. Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan dokumen tersebut tidak boleh diterima dan dengan itu menolak tuntutan ini;

(h) Ganti rugi teladan

oleh kerana kecuaian telah diakui oleh defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga, mahkamah ini berpendapat plaintif wajar diberikan ganti rugi teladan.

[21] Berdasarkan *findings* seperti dinyatakan tuntutan plaintif untuk ganti rugi diputuskan seperti berikut:

(a) Ganti rugi am

(i) tekanan mental dan stress ditolak;

(ii) *urinary incontinence* ditolak;

(iii) rawatan susulan ditolak; dan

(iv) keruntuhan perkahwinan ditolak.

(b) Ganti rugi khas

(i) kos pembelian *pampers* dan tuala wanita ditolak;

(ii) kos rawatan di Hospital Lam Wah Ee dan konsultasi ditolak; dan

(iii) kos laporan pakar ditolak;

(c) ganti rugi teladan dibenarkan sebanyak RM20,000;

(d) bagi tuntutan untuk kedukacitaan (*bereavement*), defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga telah bersetuju untuk membayar kepada plaintif sebanyak RM10,000;

(e) bagi kos pengkebumian, defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga juga telah bersetuju untuk membayar kepada plaintif sebanyak RM5,000; dan

(f) kos hendaklah ditaksir sekiranya plaintif dan defendan-defendan gagal mencapai persetujuan dan faedah pada kadar 8% dari tarikh keputusan sehingga tarikh penyelesaian.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum